

Kesan kecil kepada Malaysia

BERITA HARIAN 17 APR 2024 m/s: 3

Kerajaan pantau perkembangan, ambil langkah proaktif pastikan keselamatan rakyat terjamin

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Konflik Iran-Israel hanya memberi kesan kecil kepada negara, kata Datuk Seri

Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, ketika ini Bursa Malaysia dibuka dengan kejatuhan yang amat kecil dan ia mencerminkan trend serantau.

“Bagaimanapun Kerajaan MADANI akan terus memantau perkembangan ini dengan teliti dan akan mengambil langkah proaktif bagi memastikan bahawa keselamatan, kebajikan dan kesejahteraan rakyat akan sentiasa terjamin.

“Kepentingan negara akan sentiasa menjadi matlamat utama. Kunci penyelesaian kepada isu ini ialah penyelesaian serta-merta yang adil terhadap keadaan tidak berperikemanusiaan me-

landa Gaza.

“Oleh itu, perhatian masyarakat antarabangsa mesti ditumpukan kepada isu ini, tanpa gangguan lain,” katanya dalam kenyataan, kelmarin.

Sebelum ini, media antarabangsa melaporkan Kor Pengawal Revolusi Iran memulakan operasi serangan dron, menyasarkan lokasi di dalam wilayah yang diduduki Israel.

Jaminan kerajaan Iran

Mengulas lanjut mengenai konflik berkenaan, Anwar berkata, beliau sempat mempengerusikan Mesyuarat Khas Sidang Majlis Keselamatan Negara yang turut dihadiri Timbalan Perdana Men-

teri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi serta beberapa menteri Kabinet yang berkaitan.

“Tujuan mesyuarat ini ialah untuk berbincang lanjut situasi tegang di Asia Barat, mengambil kira perbincangan yang diadakan semalam.

“Mesyuarat diadakan dua hari berturut-turut menunjukkan perhatian serius Kerajaan MADANI terhadap isu ini serta usaha yang diambil untuk memastikan bahawa Malaysia dan rakyatnya tidak terjejas oleh perkembangan ini.

“Kita berpuas hati dengan jaminan diberi oleh kerajaan Iran bahawa ia tidak akan mengambil apa-apa lagi tindakan, kecuali diserang oleh rejim Zio-

nis Israel.

“Bersama negara-negara bertamadun yang lain, Malaysia menggesa rejim Zionis Israel untuk tidak mengambil apa-apa lagi tindakan balas yang akan memburukkan lagi keadaan tegang di Asia Barat.

“Wujud tanda yang jelas bahawa masyarakat antarabangsa tidak mahu melihat keadaan yang lebih buruk lagi,” katanya.

Anwar berkata, gencatan senjata yang berkekalan perlu diwujudkan bagi membolehkan bantuan kemanusiaan disalurkan.

“Dalam hal ini, sumbangan Malaysia terbaru sebanyak 100 kontena dijangka berlepas pada 27 April ini,” katanya.